



Elak ikut kehendak hati

BARANGAN basah yang dijual di pasar lebih berkualiti malah lebih menjimatkan.

■ Pengguna mula ubah cara berbelanja

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com
Bangi

Rata-rata warga kota terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana kini mengubah gaya hidup ke arah kesederhanaan dengan mengutamakan perbelanjaan barangan keperluan berbanding kehendak hati berikutan kenaikan kos sara hidup.

Tinjauan Harian Metro di pusat beli-belah di Bangi semalam mendapati kebanyakan pengguna mengakui terbeban dengan kos sara hidup yang ditanggung.

Pekerja swasta, Mohd Fahmi Mohamad Shapie, 30, berkata, perbelanjaan keluarganya meningkat sebanyak 20 peratus sejak kenaikan tol baru-baru ini.

Menurutnya, isterinya mengajar di Kelana Jaya dan berulang alik dari rumahnya

di Beranang, Selangor sejauh kira-kira 100 kilometer (km) dengan perbelanjaan tol sebanyak RM20 sehari melalui empat tol.

"Untuk petrol pula ialah RM450 sebulan selain terpaksa menempuh kesesakan di lebuh raya untuk perjalanan pergi ke sekolah dan pulang ke rumah.

"Jumlah perbelanjaan ini besar tetapi tiada pilihan kerana isteri masih tidak dapat pindah ke sekolah yang lebih dekat dengan tempat kediaman," katanya.

Katanya, mereka juga mengambil pendekatan menyediakan belanjawan bulanan bagi mengelakkan kesempitan wang pada hujung bulan dan berbelanja seperti yang dirancang.

Mohd Fahmi berkata, dia mengamalkan langkah penjimatan termasuk menjarakkan sedikit tempoh pulang ke kampung isterinya di Kedah iaitu dua bulan sekali

berbanding setiap bulan sebelum ini.

Penuntut Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Mohd Alzfar Tomaran, 21, berkata, dia turut merasai bahang kenaikan kos sara hidup yang mendorongnya mengambil pendekatan berjimat cermat ketika berbelanja.

"Saya perlu jimat cermat kerana bergantung dengan elaun RM600 sebulan dan wang ini juga digunakan untuk bayar sewa rumah, makan serta keperluan lain.

"Saya selalu masak bersama rakan di rumah sewa untuk jimat dan kadang-kala makan di luar, bergantung kepada jadual kuliah," katanya.

Anak kelahiran Pahang itu berkata, satu cara dia berjimat adalah mencari rumah sewa pada jarak kira-kira 20 km dari kampus UNIKL, di sini.

"Harga rumah sewa di sekitar Bandar Baru Bangi ter-



ORANG ramai memilih untuk membeli barang basah di pasar.



lalu tinggi sehingga mencecah RM1,200 berbanding rumah sewa yang saya tinggal hanya RM650 sebulan.

"Saya juga jarang belanja barangan seperti pakaian baru kerana kebanyakan pakaian sedia ada masih elok," katanya.

Sementara itu, Mohd Syafiq Abd Latif, 20, yang men-

"Saya perlu jimat cermat kerana bergantung dengan elaun RM600 sebulan"
Mohd Alzfar Tomaran

dirikan rumah tangga tiga tahun lalu menganggap kenaikan kos sara hidup sebagai cabaran kepadanya yang mendirikan rumah tangga pada usia muda.

Katanya, demi kelangsungan hidup, dia memilih tinggal berjauhan dengan isterinya Nor Shanim Dalila Abd Halim, 18, yang kini berada di Pahang, manakala dia di Bangi.